

03/09/1997

ASCM syor BSKL ditaksir kepada arah naik

PERSATUAN Syarikat-syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM) berkata satu taksiran semula yang berarah naik harus dibuat terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pengerusinya, Datuk Tony Tiah Thee Kian, berkata pasaran itu, yang turun sejak beberapa bulan ini, sudah keluar dari paras bawah dan patut ditaksirkan semula kepada arah naik.

Dengan purata pendapatan harga pasaran sekitar 10 kali - iaitu yang rendah dalam empat atau lima tahun dan juga yang paling rendah setakat ini - pasaran seharusnya bergerak ke atas, kata Tiah, yang juga Pengerusi Eksekutif TA Securities Bhd pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Sambil memberikan sokongan penuhnya terhadap seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pelabur tempatan supaya menyokong pasaran, beliau berkata pasaran sepatutnya bergerak sekurang-kurangnya dalam jajaran antara 800 dan 1,000 mata.

Menurutnya, pasaran menurun terdahulu kerana sentimen lemah berpunca daripada khabar angin dan laporan media asing yang menimbulkan satu imej kurang baik bagi pasaran.

"Kita tidak berada dalam keadaan yang sama seperti Thailand... asas kita adalah lebih baik," katanya.

Beliau berkata, kinilah masa bagi pelabur dan dana amanah untuk membeli saham... tetapi enggan mengulas mengenai secergas mana Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau institusi lain menyokong BSKL.

Minggu lalu, Dr Mahathir mengarahkan Khazanah, PNB dan KWSP supaya secara cergas membeli saham bagi menyokong pasaran.

(END)